

# Sidang sulung Kabinet Mahathir

KABINET pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, telah bersidang untuk pertama kalinya semalam. Persidangan ini selain memberikan peluang kepada Perdana Menteri untuk menerangkan cara pengendalian dan bidang tugas setiap portfolio -- ini perlu memandangkan Kabinet baru ini bukan saja mengandungi portfolio baru (Pembangunan Negara dan Luar Bandar) tetapi juga telah melibatkan pertukaran dan kenaikan kedudukan beberapa orang Menteri dan Timbalan Menteri -- Ia juga penting dari segi menandatangani apakah arah, tumpuan dan prestasi Kerajaan yang diharapkan oleh Perdana Menteri. Nampahnya ramalan bahawa Datuk Seri Dr. Mahathir akan menahkakan satu pentadbiran yang cekap dan berkesan itu tidaklah salah. Beliau sendiri menegaskan bahawa Kabinetnya perlu mengutamakan kesungguhan dan kecekapan menyelesaikan masalah bagi kepentingan rakyat dan negara. Tidak syak juga bahawa perimbangan yang sama jelas telah digunakan untuk memilih anggota-anggota Kabinetnya. Dengan matlamat kerja yang telah dipertegas dan para menteri yang telah dipilih berdasarkan kecekapan dan keupayaan mereka memberikan sumbangan kepada negara, kita mempunyai sebab-sebab yang baik untuk memberikan penuh pimpinan ini sepenuh kepercayaan dan keyakinan.

Persidangan sulung ini juga membayangkan dengan jelas penekanan yang diberikan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir kepada dua perkara yang berkaitan -- pembangunan negara dan pentadbiran pelaksanaannya. Keputusan sidang untuk menyusun semula dan menggerakkan Majlis Tindakan Negara yang pada masa pentadbiran Tun Abdul Razak dahulu merupakan satu mekanisme penting bagi beliau mengetahui perkembangan pembangunan di seluruh negara melalui maklumat balik yang disampaikan oleh menteri-menteri berkecaraan yang menjadi ahli Majlis itu memanglah wajar. Sebenarnya jika Majlis ini dapat diperkemas, ia boleh menjadi penghubung yang rapat bukan sahaja antara Perdana Menteri dan Kabinetnya malah juga di antara Kabinet dengan jawatankuasa tindakan di peringkat negeri dan daerah. Ini selain membolehkan pengawasan yang lebih rapat akan juga dapat memastikan yang setiap masalah atau penghalang pembangunan di peringkat mana jua diberikan perhatian dan diselesaikan dengan segera dan secara kolektif. Tegasnya sebuah Majlis Tindakan Negara yang cekap ialah jaminan baik untuk mewujudkan satu sistem pengurusan pentadbiran pembangunan yang kemas dan lancar. Untuk mencapai sepenuhnya aspirasi sosial dan ekonomi negara langkah ini adalah penting.

Bahan asal dari Arkib